



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 5/2021**

**KEDUDUKAN TANAH YANG DIAMBIL BAGI MAKSUD KERAJAAN  
PERSEKUTUAN YANG BELUM DIBERIMILIK KEPADA PESURUHJAYA TANAH  
PERSEKUTUAN**

---

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Putrajaya  
2021**

## © Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2021

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

### Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 5/2021
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	<a href="mailto:bdk@jkptg.gov.my">bdk@jkptg.gov.my</a>
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

### Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 5/2021**

**Kedudukan Tanah-Tanah Yang Diambil Bagi Maksud Kerajaan Persekutuan  
Yang Belum Diberimilik Kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir Tanah berhubung kedudukan tanah-tanah yang diambil bagi maksud Kerajaan Persekutuan yang belum diberimilik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

**PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Fasal 5 Perkara 83 Perlembagaan Persekutuan menyatakan Kerajaan Persekutuan boleh mengambil mana-mana tanah berimilik dalam sesuatu Negeri untuk maksud Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan perundangan yang berkuat kuasa dan tidak melanggar Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.

3. Setelah tindakan pengambilan tanah tersebut telah selesai, menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan melalui Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk memohon pemberimilikan atau perizaban bagi tanah-tanah tersebut supaya secara sah ia menjadi milik atau kegunaan Kerajaan Persekutuan.

4. Tetapi wujud satu tempoh masa di mana tanah-tanah berimilik yang telah selesai proses pengambilan dan belum didaftarkan hakmilik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan adalah berstatus tanah kerajaan. Dalam tempoh tanah-tanah tersebut masih berada dalam status tanah kerajaan, adalah dinasihati kepada semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri serta Pentadbir Tanah untuk tidak menggunakan kuasa-kuasa di bawah subseksyen-subseksyen 66(1)(a) dan 71(1)(a) Kanun Tanah Negara (Disemak 2020) [Aktu 828] untuk meluluskan permohonan lesen pendudukan sementara atau permit bahan batuan di atas tanah-tanah tersebut tanpa mendapatkan persetujuan daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan terlebih dahulu.

**PEMBATALAN**

5. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 5 Tahun 1973 (Disemak 2007) bertajuk Tanah Yang Diambil Balik untuk Kegunaan Persekutuan adalah dibatalkan.

## PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri ] dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



**(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail : JKPTG/950/100-1/7/1Jld.6 ( 8 )

Tarikh : ~~31~~ Disember 2021